



BALAI CERAP NEGERI SEMBILAN MERCU TANDA ASTRO-PELANCONGAN



PORT DICKSON, 2 SEPTEMBER 2025 – Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) memperkukuh usaha mempromosikan astro-pelancongan melalui pelaksanaan naik taraf Galeri Astronomi Balai Cerap Negeri Sembilan sebagai persiapan sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026.

Pengerusi MAINS, Dato' Seri Dr. Abdul Aziz bin Sheikh Ab Kadir, berkata Balai Cerap Negeri Sembilan bukan sahaja menjadi lokasi rasmi cerapan anak bulan di Malaysia, malah berfungsi sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan ilmu falak bagi masyarakat umum. "Balai cerap ini diwujudkan bukan sekadar tempat pencerapan, tetapi juga sebagai pusat ilmu dan destinasi pelancongan yang mempamerkan kekayaan warisan ilmu falak

yang sekian lama menjadi tradisi Islam," katanya ketika berucap pada Majlis Preview Galeri Astronomi Balai Cerap Negeri Sembilan. Menurut beliau, galeri yang dinaik taraf itu bakal memperkenalkan pameran interaktif dan paparan digital moden, sekali gus menawarkan pengalaman yang lebih menarik kepada pengunjung pelbagai peringkat umur.

Mengangkat tema "Pesona Bintang, Negeri Beradat", galeri ini dijangka menjadi mercu tanda baharu yang memperkukuh jenama Negeri Sembilan sebagai destinasi ilmu astronomi dan astro-pelancongan di peringkat nasional serta antarabangsa.

"Inisiatif ini juga merupakan sokongan MAINS kepada Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 dengan memperkenalkan

astro-pelancongan sebagai segmen unik yang mampu menarik pelancong dalam dan luar negara," jelas beliau.

Tambah Dato' Seri Dr. Abdul Aziz, galeri ini diharapkan dapat menyemarakkan minat masyarakat terhadap ilmu falak, memperkukuh jaringan kerjasama strategik dan seterusnya memberi manfaat kepada pembangunan pelancongan serta masyarakat Negeri Sembilan.

Orang ramai dijemput hadir ke Balai Cerap Negeri Sembilan untuk merasai sendiri pengalaman unik menerokai keindahan alam semesta melalui pameran interaktif dan paparan digital moden, sambil memperkaya ilmu falak serta menjadikannya destinasi pelancongan yang menarik untuk seisi keluarga.

PENGOPERASIAN SEMULA

BALAI CERAP NEGERI SEMBILAN

Kini Balai Cerap Negeri Sembilan, MAINS (BCNS) beroperasi semula dengan menawarkan sesi lawatan kepada orang awam.

Untuk makluman lanjut, sila layari laman sesawang rasmi kami atau imbas kod QR yang di sediakan.

WAKTU LAWATAN

Isnin- Khamis: 10.00 pagi - 6.00 petang
Jumaat - Ahad: 10.00 pagi - 11.00 malam

HARGA TIKET

Dewasa : RM 15.00
Kanak-kanak/ Warga Emas : RM 7.00

Imbas Kod QR



Scan QR Code

<https://balaicerapn9.com>


Seremban 2

MAINS Seremban 2 menziarahi dan menyampaikan bantuan wang tunai kecemasan serta lain-lain bantuan kepada dua keluarga mangsa kebakaran di Taman Mutiara Galla sebagai tanda keprihatinan terhadap musibah yang menimpa.


Senawang

Sambutan Maulidur Rasul 1447H di Kompleks As-Sa'adah MAINS telah menghimpunkan lebih 500 tetamu yang terdiri daripada asnaf MAINS Senawang, pelajar Darul Asnaf Seri Tanjung dan Darul Asnaf Sri Sendayan serta komuniti muallaf daripada pelbagai NGO termasuk MACMA (Cawangan Negeri Sembilan), MRA, PERKIM, Hidayah Center Foundation dan PUSBA


Seremban 2

MAINS Cawangan Seremban 2 menziarahi dan menyampaikan bantuan wang tunai kecemasan serta bantuan susulan kepada mangsa kebakaran di Taman Kelab Tuanku Mambau sebagai sokongan moral dan bantuan awal kepada mangsa.


Seremban

Maktabah Dato' Haji Mohd. Yusuf Ahmad di Menara MAINS sebagai pusat rujukan moden dan kondusif, simbol pembudayaan ilmu serta intelektual Islam telah dirasmikan oleh Pengerusi MAINS, Dato' Seri Dr. Abdul Aziz bin Sheikh Ab Kadir


Jelebu

YTM Dato' Mendika Menteri Akhirluzaman Dato' Maarof bin Mat Rashad, Undang Luak Jelebu, mengunjungi Kaunter Bergerak MAINS di Balai Melintang sempena Taklimat Pengurusan Harta dan Majlis Pentauliah Penolong Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (PPNCR) Orang Islam Luak Jelebu 2025.


Seremban

MAINS Bahagian Agihan membantu menyediakan gerai jualan kepada asnaf selama dua hari di Lobi Aras 4, Menara MAINS sebagai platform menjana pendapatan dan memasarkan produk keusahawan asnaf.


Port Dickson

Seramai 23 pelajar Darul Asnaf Sri Sendayan (DASS) MAINS menyertai Program Tahsin Ibadah dan Lawatan Astronomi ke Balai Cerap Negeri Sembilan (BCNS). Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman solat dan wuduk serta memberi pendedahan mengenai peralatan astronomi di BCNS.


Seremban

MAINS
165 ASNAF SERTAI PROGRAM
PENGURUSAN BIJAK KEWANGAN

Seramai 165 orang asnaf telah menyertai Program Pengurusan Bijak Kewangan Asnaf bertemakan 'Bijak Urus Wang, Asnaf Lebih Mandiri' yang diadakan di Hotel Royal Chulan. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai asas pengurusan kewangan merangkumi penyediaan bajet, amalan simpanan, pengurusan hutang serta perbelanjaan berhemah.